

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]**
- TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**
- SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**
- (a) jumlah import sayuran daripada tahun 2005 hingga 2015; dan
- (b) kawasan tanaman sayuran di Cameron Highlands yang merupakan kawasan yang paling besar untuk pengeluaran sayur-sayuran.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Jumlah import sayur-sayuran negara bagi tempoh 2005 sehingga Januari 2015 adalah sebanyak RM24.4 bilion. Peningkatan import sayur-sayuran bagi tempoh 2005 sehingga 2014 adalah pada kadar 7.3% setahun, di mana import sayur-sayuran pada tahun 2005 bernilai RM1.7 bilion manakala nilai import pada tahun 2014 adalah RM3.2 bilion. Sementara itu, nilai import sayur-sayuran bagi bulan Januari 2015 adalah sebanyak RM326.6 juta.

- (b) Daerah Cameron Highlands merupakan antara kawasan pengeluaran sayur-sayuran yang utama di Malaysia dengan keluasan bertanam 21,702 hektar dan merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 649,403 tan metrik pada tahun 2013. Pada tahun 2014, kawasan bertanam sayur-sayuran di Cameron Highlands dianggarkan seluas 21,789 hektar dengan anggaran pengeluaran sebanyak 652,00 tan metrik.